

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/2000**

ENAKMEN MINERAL SELANGOR 2000

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan di mesyuaratnya pada 23hb Februari, 2000 dan pada Mesyuarat Dewan Undangan Negeri ke sepuluh pada 27 hingga 30 Februari, 2000 telah meluluskan Enakmen Mineral Selangor 2000 yang berkuatkuasa pada 5hb Jun, 2000.

2. Dengan berkuatkuasanya Enakmen Mineral Selangor 2000 mengikut seksyen 189(a) di dalam Enakmen ini maka, Enakmen Melombong N.M.B Bab 147 adalah termansuh.

3. Berkuatkuasa dari tarikh itu, satu Unit Mineral telah ditubuhkan di Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Penubuhan unit ini adalah untuk memproses semua permohonan mineral bagi Negeri Selangor. Dengan penubuhan unit ini permohonan mineral hendaklah dipohon terus ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Sehubungan dengan itu, semua permohonan yang berkaitan dengan mineral yang masih ada di Pejabat Tanah Daerah hendaklah dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian Selangor untuk proses selanjutnya.

T.T

(DATO' HJ. ZULKIFLI BIN DATO' SHARIFF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 4 SEPTEMBER 2000

(01)DLM.PTGS/CR01/00/2000